




# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku



**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**

Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## *Aku, Abah dan Buku*

**Aslinda Che Mood**

UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam

Cinta aku kepada buku mulai tumbuh dengan subur di usia tujuh tahun. Arwah abah sering menyisihkan duit gajinya yang tidak seberapa untuk membeli majalah Bambino, Bujal dan Dewan Pelajar untuk aku dan adik-adik. Abah percaya dengan membaca, seseorang itu akan meneroka dunia, belajar sesuatu yang baharu dan menambah ilmu. Majalah adalah satu bentuk permulaan yang ringan untuk menanamkan sikap suka membaca. Walaupun abah tidak belajar tinggi kerana kekangan kewangan dan tinggal jauh di pedalaman, abah bersyukur kerana beliau tidak buta huruf. Abahlah yang akan pastikan kandungan majalah sesuai dengan peringkat tumbesaran anak-anaknya. Mulakan yang ringan agar tabiat itu berterusan. Suka membaca, baru lahir sifat sayangkan buku. Aku percaya cara itu. Sama dengan prinsip abah.

Keterujaan bersama buku-buku kian menebal bila pihak Sekolah Kebangsaan Subang menjadikan novel kanak-kanak sebagai cenderahati kepada murid yang cemerlang pada majlis penyampaian hadiah setiap hujung tahun. Setiap kali majlis, akulah murid paling gembira, teruja mendapat banyak novel. Aku akan belek setiap buku, mencium kulit buku apabila pertama kali membuka kertas pembalut hadiah. Gembiranya tidak tergambarkan, seakan melompat ke bintang.

Aku mula mengumpul novel kanak-kanak yang aku ulang baca tanpa jemu. Aku mula jatuh hati kepada penulisan Mohd Ismail Sarbini pada waktu itu. Novel Budiku Budimu menjadi satu kenangan yang paling kuat melekat di dalam ingatan. Jalan cerita dan gaya bahasa penulis menjadikan aku semakin cintakan novel. Abah tidak pernah melarang dan menyekat aku membaca novel asalkan tidak leka hingga lupa kepada buku-buku sekolah.

Waktu di sekolah rendah, aku tidak pernah membeli novel kerana tidak mampu. Koleksi aku hanyalah novel-novel yang dihadiahkan oleh pihak sekolah sahaja. Sayangnya aku kepada koleksi novelku hinggakan aku tidak benarkan orang yang meminjam atau membaca melipat helaian muka surat. Setiap buku aku akan balut dan pastikan tidak terkoyak.

Abah sering bercerita tentang novel-novel yang dibacanya. Tentang siapa penulis kegemarannya. Abah sentiasa menyebut Hamka, Keris Mas dan Shahnnon Ahmad. Aku mula mendengar penceritaan Tenggelamnya Kapal van der Wijck karya Hamka seawal usia 10 tahun. Di usia 10 tahun itulah aku tanamkan dalam diri, suatu hari nanti aku akan beli, baca dan jadikan koleksi kesayangan, novel tulisan Hamka ini sebagai simboliknya hubungan aku dan abah. Bagaimana abah menanamkan cinta aku kepada novel adalah suatu memori yang paling sukar aku lupakan. Terus segar hingga bila-bila.

Novel tulisan Mohd Ismail Sarbini dan Othman Puteh menjadikan aku kecanduan membaca. Tiap waktu terluang di sekolah, dihabiskan di khutub khanah. Setiap novel tulisan mereka yang ada di perpustakaan sekolah, aku pasti tidak terlepas untuk membacanya. Seronok betul bila larut di dalam alam pembacaan, seolah-olah setiap penceritaan itu berada di hadapan mata. Othman Puteh mula menjadi pilihan bila aku membaca Tembelangnya Pecah dan Disambar Buaya Putih. Kedua-dua buku dihadiahkan oleh pihak sekolah ketika aku

mendapat markah tertinggi mata pelajaran. Novel kanak-kanak ini banyak mengajar aku tentang nilai-nilai murni sebagai seorang anak, sahabat, kawan, jiran, murid dan ahli masyarakat. Secara tidak langsung, sebenarnya abah mendidik aku menjadi 'orang'.

Di perpustakaan sekolah, novel bersiri seperti Siri Salma dan Siri Hadi menjadi kegilaan aku sewaktu menginjak ke darjah 4 dan 5. Bila membaca novel bersiri ini, aku seolah-olah menjadi seorang penyiasat remaja. Tidak sabar menghabiskan sebuah novel untuk merungkai rahsia dan taktik-taktik penyamaran. Semakin ke penghujung novel semakin asyik, terlarut aku di dalam gambaran sang penulis. Alangkah indahnya waktu kanak-kanak dan remajaku.

Masih terbayang waktu kanak-kanak di tahun 80an, aku sering berkunjung ke Perpustakaan Bergerak di pekan Subang. Perpustakaan ini menambahkan lagi keterujaan aku kepada buku. Di sini aku kenal buku Ceritalah Lagi. Selagi tidak habis membaca semua koleksi Ceritalah Lagi ini, aku akan ulang alik ke pekan. Aku dan buku tidak dapat dipisahkan. Setiap minggu pastinya berbuah buku akan aku pinjam. Tidak sabar membaca setiap helaian muka surat. Abah telah berjaya menyuburkan rasa cinta aku kepada buku. Tidak cukup duit bukan penghalang untuk aku menyayangi buku. Teringat kata guruku, hormatkan buku, kerana buku adalah penyambung ilmu. Buku jangan diletak di tempat yang kotor, tempat yang tidak sepatutnya. Bukan dilangkah, dipijak. Aku ingat kata pesanan guru itu.

Memasuki usia 12 tahun aku mula kagum dengan tulisan Khadijah Hashim. Aku terpesona dengan Badai Semalam nukilannya. Semenjak itu, apa sahaja novel Khadijah Hashim aku baca. Berulang kali aku membaca Badai Semalam, tidak pernah jemu. Merpati Putih Terbang Lagi, beberapa kali aku pinjam di perpustakaan, ulang membaca. Bila dan Di Mana, Mira Edora, Jauh Dikenang Dekat Disayang, Laila Azwa Gadisku antara novel penambat hati yang membuatkan aku tersenyum sambil membaca. Mungkin novel-novel ini memberi pengaruh kepada aku untuk aku minat mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Melayu, dan seringkali memperoleh markah tertinggi di dalam darjah.

Memasuki sekolah menengah, aku mula tinggal di asrama. Abah, Umi dan adik-adik berpindah ke kampung, tinggalkan Kampung Melayu Subang. Membesar di asrama mengajar aku berdisiplin, bijak mengatur masa. Lagi banyak waktu aku bermesra dengan buku. Balik bercuti di rumah, aku mengambil peluang meminjam novel dari kawan di kampung. Masa lapang tidak pernah sia-sia. Adik-adik di kampung juga cintakan buku. Mereka berusaha jadikan ruang rehat di bawah rumah penuh dengan buku dan majalah, tempat yang paling menyeronokkan. Di letakkan bantal-bantal kecil hasil jahitan perca kain oleh adik. Rak dan meja hasil tukang tangan abah. Ruang ini menjadi ruang paling nostalgik. Kalau adik-adik 'hilang', carilah di situ. Pasti mereka ketiduran sambil membaca buku di bawah rumah. Adik keduaku, lelaki, keasyikannya kepada novel menyaksikan beliau menangis teresak-esak, membuatkan Umi terkejut. Bila diusul tanya, kenapa? Rupanya tersedu-sedu kesedihan membaca kisah anak didera ibu tiri. Begitu dia menghayati setiap baris ayat hasil kreatif sang penulis. Memori ketika usia adikku 11 tahun. Lembut hatinya, penuh penghayatan.

Ruang buku di bawah rumah tinggal kenangan bila banjir besar melanda kampungku dan tidak sempat menyelamatkan semua buku-buku kesayangan kami. Majalah dan buku yang disimpan bertahun-tahun semua musnah. Abah dan Umi terpaksa keluar melalui bumbung rumah untuk menyelamatkan diri. Mana mungkin mampu mengutamakan buku-buku pada waktu itu, hanya memikirkan selamatnya nyawa sahaja.

Semasa di tingkatan lima, aku dianugerahkan Pembaca Buku Terbanyak untuk tahun tersebut. Impak yang sangat besar kepada aku kerana aku bukan membaca kerana mengejar anugerah, tetapi majlis itu disaksikan oleh abah, insan yang mengenalkan aku kepada buku. Insan yang menanamkan tabiat positif di dalam diri aku. Waktu lapang, membaca. Simpan duit, beli buku. Abah banyak mempengaruhi, membentuk jati diri aku dan adik-adik.

Di sekolah menengah, aku mula mengenal Dewan Masyarakat dan Dewan Bahasa. Majalah ilmiah ini mengajar aku berfikir dengan lebih matang. Aku bisa menulis karangan tanpa kekeringan idea. Senang mengolah isu dan mengupas isi-isi penting kerana pembacaan majalah-majalah sebegini. Mengajar otak pantas berfikir, mengarang.

Memasuki alam pembelajaran tertiar, aku lebih mengutamakan buku-buku rujukan yang sesuai dengan kursus yang aku ambil. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Kuala Lumpur menjadi tempat paling utama. Betapa berharganya sebuah buku, dicari, ditempah, dikongsi baca untuk menimba ilmu. Bilangan buku rujukan yang terhad dan harga yang tinggi untuk aku sebagai anak kampung yang menampung kos sara hidup dengan wang elaun belajar, mengajar aku lebih menghargai buku dan ilmu. Bila buku di dalam dakapan, serasakan segala tulisan di dalamnya mahu diserap oleh badan dan disimpan kemas di dalam otak.

Tempoh pengajian aku di Kuala Lumpur memberikan aku peluang menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur setiap tahun. Berjalan kaki ke Dewan Tun Razak, menjinjing beg plastik yang dipenuhi buku-buku dan cenderahati dari setiap reruai, meninggalkan nikmat dan kegembiraan yang tidak terhingga untuk aku. Aku tenggelam dalam keseronokan bersama buku-buku. Terlupa beberapa jam di dalam dewan pesta. Aku tidak menghadkan pemilihan buku kepada buku rujukan ilmiah sahaja, malah majalah ringan untuk adik-adik di rumah tidak lupa aku beli. Novel terkini hasil penulis semasa juga aku beli.

Memasuki alam pekerjaan, memberi peluang kepada aku memperuntukkan sejumlah wang untuk membeli buku dan novel. Aku menunaikan impian aku untuk membeli naskah Tenggelamnya Kapal van der Wijck. Nostalgiknya, semasa sesi temuduga sebagai syarat tawaran pekerjaan pertamaku, panel penemuduga bertanyakan soalan apakah hobiku. Apalagi, secara spontan aku menjawab, membaca novel. Panel meminta aku bercerita tentang penulis yang aku minati, novel yang aku baca dan Anugerah Sasterawan Negara. Bagi bulan jatuh ke riba soalan yang disua oleh panel. Aku terus menyebut Keris Mas, Usman Awang atau Tongkat Warrant, A Samad Said, Shahnnon Ahmad dan Arena Wati. Setiap Sasterawan Negara yang disebut, aku perlu menghuraikan secara ringkas hasil pena yang mereka tulis. Aku lebih tertumpu kepada novel Salina oleh A Samad Said, Ranjau Sepanjang Jalan tulisan Shahnnon Ahmad dan sajak Ke Makam Bonda nukilan Usman Awang. Saat menyebut sajak Ke Makam Bonda, terbayang adik-adikku mendeklamasikan sajak tersebut dengan penuh kesyahduan.

Menjadi warga Universiti Teknologi Mara dan tinggal di Shah Alam membuka jalan yang sangat luas untuk aku terus berdamping dengan buku. Syarikat pengeluar buku dan majalah berada berdekatan dengan tempat tinggal aku. Hanya beberapa minit berkereta ke Karangkrak menyebabkan hobi membaca aku terus menyubur. Buku-buku agama, motivasi, novel, majalah masakan, majalah dekorasi semua menjadi pilihan. Sehingga suami pernah berseloroh, rumah kita boleh runtuh dengan banyaknya buku di tingkat atas. Aku tidak memilih penulis baru atau lama, mana novel yang menarik, aku akan beli dan baca. Aku mulai menyimpan koleksi tulisan Ramlee Awang Murshid, Sharifah Abu Salem, Aisya Sofea, Nurhayati Berahim dan beberapa penulis angkatan baharu.


Buku-buku agama dan motivasi sangat berperanan di dalam hidup aku. Banyak memberikan aku semangat dan kekuatan dalam mengharungi ujian hidup. Tulisan yang sangat mendekatkan hati aku kepada sifat manusiawi, mengajar erti nilai hidup dan kehidupan. Pernah suatu masa aku tanam impian untuk menulis sebagai rutin harian, tetapi tidak pernah menjadi. Menulis hanya memenuhi keperluan dan kehendak tugasan, tidak sebagai rutin.

Jika ditanya, mana satu novel yang paling membekas di dalam hati, aku memilih novel Jalur Sinar Di Celah Daun tulisan Zaharah Nawawi. Saat membaca, aku menikmati setiap baris tulisan, hingga aku seakan berada bersama Dali dan Tijah. Meneroka tanah, merasai penat jerih

sepasang suami isteri melayari hidup berumah tangga. Bagaimana susahny mereka berusaha mendapatkan sebidang tanah, dan betapa kuatnya semangat Tijah meneruskan kehidupan di dalam hutan. Beberapa kali aku menitiskan air mata saat membaca novel tersebut. Bukan air mata kesedihan, tetapi hiba dan sayu saat pokok getah mengeluarkan hasil. Aku belajar tentang semangat, tentang wanita gigih yang menjadi dorongan kepada suami. Belajar bahawa hidup mesti diteruskan untuk anak-anak dan masa depan mereka.


Buku banyak mendidik hati, mengajar betapa tingginya nilai ilmu. Dan aku kagum kepada mereka yang pandai menulis, pandai mengolah dan mengupas idea menjadi bahan bacaan dan rujukan. Memartabatkan buku adalah meletakkan nilai ilmu di tempat yang tinggi. Menghormati ilmu dan menghargai buku perlu seiring. Tidak merendah-rendahkan hasil garapan dan tulisan orang menjadikan kita lebih menghargai bakat dan kelebihan yang diberikan oleh Allah Taala.

Aku bersyukur diberikan kesempatan untuk bersama abah sehingga usiaku 25 tahun. Bersyukur kerana abah sentiasa memberi dorongan dan menyemai minat menyintai buku. Aku suka membaca tulisan abah di dalam setiap kiriman warkahnya ketika aku tinggal di asrama dan berjauhan dengannya. Tulisan abah yang klasik, banyak dipengaruhi pembacaannya terhadap buku-buku tulisan penulis tersohor. Abah ada bakat, tetapi abah tiada peluang. Tulisan abah akan tetap aku bukukan di dalam ingatan hingga ke akhir nyawaku.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

